

05 JUL 1999

BN-Pilihan raya

BN SUDAH SELESAIKAN MASALAH DALAMAN, KATA MOHAMED

KUALA LUMPUR, 5 Julai (Bernama) -- Parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) telah menyelesaikan masalah dalaman masing-masing dan kini bersedia dengan penuh yakin menghadapi pilihan raya umum untuk mempertahankan kuasa majoriti dua pertiga BN dalam Parlimen.

Setiausaha Agung BN Datuk Seri Mohamed Rahmat berkata beliau berpuas hati dengan kedudukan parti-parti komponen dan percaya BN dapat meningkatkan keyakinan orang ramai pada pilihan raya nanti.

"Kita hendak buktikan bahawa kita cukup berpadu, kukuh dan kuat untuk menjalankan tugas penting dalam pilihan raya akan datang," katanya kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan semua setiausaha agung 14 anggota komponen BN di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

BN menggabungkan Umno, MCA, MIC, Gerakan dan PPP di Semenanjung sementara parti-parti dari Sabah ialah LDP, Akar, PDS, PBRS dan SAPP dan parti-parti di Sarawak ialah PBB, SUPP, PBDS dan SNAP.

Mohamed berkata semua parti telah mewujudkan jentera pilihan raya di peringkat bawah dan bagi memperkukuhkan lagi kerjasama, ibu pejabat BN sedang berunding melantik pengerusi BN peringkat kawasan bagi tempoh dua tahun akan datang mulai 1 Ogos tahun ini hingga 31 Julai 2001.

Mengikut perlembagaan BN, pengerusi BN peringkat kawasan dilantik setiap dua tahun.

Mohamed berkata ibu pejabat BN sedang menimbang untuk mengadakan pilihan raya olok-olok tetapi belum menetapkan tarikh bila urusan itu akan dijalankan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi BN sebelum ini telah berkata pilihan raya umum akan diadakan bila-bila masa sekarang dan mengarahkan semua parti komponen BN mengerakkan jentera pilihan raya serta menjalankan pilihan raya olok-olok bagi menguji kemampuannya.

Tempoh Parlimen sekarang akan berakhir pada 7 Jun tahun depan. Pilihan raya umum yang lepas diadakan pada 24 dan 25 April 1995.

Mohamed berharap anggota komponen BN akan menyimpan masalah dalaman yang mungkin timbul kemudiannya dalam penyejuk beku, mengemaskan rumah masing-masing dan bersatu tenaga untuk kejayaan BN dalam pilihan raya nanti.

"Walaupun BN yakin menang dengan majoriti dua pertiga, saya berharap parti komponen BN tidak bersikap sambil lewa atau tidak bersungguh-sungguh dalam menjalankan tugas kerana BN tetap menghadapi tentangan parti lawan," katanya.

Beliau mahu parti-parti komponen terus mendekati rakyat serta memenangi hati dan perasaan para pengundi.

Mohamed yakin rakyat masih menerima baik BN yang telah lama memerintah dan berjasa kepada rakyat dan tidak ada kerajaan alternatif lain yang lebih baik dan lebih sesuai untuk Malaysia.

"Jika kita ingin terus berjaya dalam alaf baru, Malaysia tidak ada pilihan lain selain konsep BN yang ternyata berkesan," katanya.

BN kini mempunyai lebih 150,000 cawangan jentera parti-parti komponen di seluruh negara dengan Umno sahaja mempunyai 57,000 cawangan.

Mohamed tidak percaya parti-parti pembangkang di negara ini dapat mewujudkan kesepakatan dalam pilihan raya akan datang sebagaimana yang telah berlaku pada pilihan raya lepas kerana mereka tidak mempunyai persamaan dalam banyak hal.

"Kerjasama mereka hanya gimik politik tetapi akhirnya masing-masing parti akan menggunakan antara satu sama lain," katanya.

-- BERNAMA

AFY RON